Ya Allah, Aku Mahu Pulang

FIRMAN ALLAH

˝Dan RahmatKu meliputi tiap-tiap sesuatu˜

Surah Al A'raf, 7:156 • Terjemahan petikan ayat

PENGAJARAN UNTUK HATI

Rahmat Allah sangat luas. Sambutlah dengan taubat dan usaha menjadi hamba yang taat.

LANGKAH HARI INI

Luangkan waktu untuk berdoa dengan jujur: Ya Allah, bantulah aku.. aku mahu kembali kepadaMu.



Dosaku banyak. Masih bolehkah aku kembali?

FIRMAN ALLAH

> “Janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa”

Surah Az-Zumar, 39:53 • Terjemahan petikan ayat

PENGAJARAN UNTUK HATI

Jangan berhenti pada rasa bersalah. Bertaubatlah dengan meninggalkan dosa, menyesal dan berazam tidak mengulanginya.
Jika melibatkan hak manusia, pulangkan hak atau mohonlah kemaafan.

LANGKAH HARI INI

Mohon ampun dan tinggalkan satu kebiasaan yang membawa kepada dosa.



Al-Quran,
Petunjuk dan Ketenangan untuk hati.

FIRMAN ALLAH

“..serta membawa Rahmat bagi orang-orang yang beriman.”

Surah Yunus, 10:57 • Terjemahan petikan ayat

PENGAJARAN UNTUK HATI

Al-Quran membawa nasihat, penawar bagi penyakit hati dan petunjuk. Dekatinya dengan membaca, memahami dan mengamalkannya.

LANGKAH HARI INI

Baca satu ayat bersama terjemahan. Pilih satu pengajaran untuk diamalkan hari ini.



Mencintai Allah, mengikuti Rasulullah ﷺ.

FIRMAN ALLAH

“Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu”

Surah Ali ‘Imran, 3:31 • Terjemahan petikan ayat

PENGAJARAN UNTUK HATI

Cinta kepada Allah mengajak kita mengikuti Rasulullah ﷺ dalam ibadah dan akhlak. Belajarlah sedikit demi sedikit, kemudian amalkan.

LANGKAH HARI INI

Jaga tutur kata hari ini. Tegur dengan lembut dan luangkan waktu untuk bersolawat.



Ya Allah, pimpinlah aku pulang.

FIRMAN ALLAH

“Pimpinlah kami ke jalan yang lurus.”

Surah Al Fatihah, 1:6 • Terjemahan ayat

PENGAJARAN UNTUK HATI

Kita memerlukan petunjuk Allah setiap hari. Mohonlah agar kita mengenal agama kebenaran dan diberi kekuatan untuk mengikutinya.

LANGKAH HARI INI

Dalam solat yang seterusnya, hadirkan hati permohonan ini ketika membaca Al-Fatihah. Barakallahufikum.



🤍 KONGSIKAN KEPADA KELUARGA DAN KENALAN.
SEMOGA MENJADI ASBAB HATI KITA KEMBALI DEKAT KEPADA ALLAH.